

**AKTIVITI - AKTIVITI
AKADEMI SENI KEBANGSAAN
'2003'**

DARI kiri Norzizi, Shahrul Mizad, Rosman, Shariza dan Erma antara pelakon yang menjayakan teater *Bulan Menangis* di Mini Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur mulai 9 hingga 12 Oktober ini.



Bulan Menangis

Terapkan pelbagai unsur

Oleh KHADIJAH IBRAHIM
Gambar AZMAN AHMAD

KENAPA bulan menangis? Kita sering mendengar 'bulan mengambang' atau 'bulan gerhana' tetapi kali ini kita disajikan dengan perkataan 'bulan menangis'. Tentu ada maksud yang tersirat di sebalik pemilihan judul teater tersebut.

Teater skrip teater ini mempunyai tafsiran tersendiri kenapa Persatuan Penulis Wanita Malaysia (PPWM) mengambil keputusan untuk mementaskannya pada 9 hingga 12 Oktober ini di Mini Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur selama empat malam bermula 9 Oktober ini.

Bulan Menangis yang bakal dijayakan oleh Juhara Ayob, Erma Fatima, Norzizi Zulkifli, Shariza Mahmud, Rosman Ishak dan Shahrul Mizad Ashaari sebenarnya cuba menyingkap realiti kehidupan masa kini.

Menurut Penerbit Eksekutifnya, Ally Zalilah Yusof, menyedari kebanyakan umat Islam masa kini semakin ramai yang terpesong daripada ajaran asal, maka skrip ini cuba menjadikan teater *Bulan Menangis*

mementaskan teater ini.

"Kami harap teater ini dapat memberi ruang pada generasi muda untuk memikirkan baik dan buruk dalam melayari kehidupan," katanya pada sidang media teater tersebut di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Teater itu dilancarkan oleh Ahli Parlimen Gombak, Tan Sri Zaleha Ismail.

Selain itu menurut Ally, *Bulan Menangis* yang penuh dengan metafora juga menyelitkan unsur-unsur komedi, serius, absurd dan sedih.

Justeru, teater *Bulan Menangis* yang bakal menampilkan konsep monolog itu banyak bergantung kepada kekuatan pelakon beraksi selama dua jam di pentas.

"Kami memilih pelakon yang terdiri daripada mereka yang pernah bekerjasama dengan kami sebelum ini di samping ahli-ahli persatuan seperti Shariza, Norzizi dan Juhara," tambahnya.

Kerjasama

Ally menjelaskan, pementasan tersebut amat beruntung kerana mendapat penajaan daripada Imagnia Corporation Sdn. Bhd., dan Tenaria Sdn. Bhd., serta kerjasama Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah

"Saya banyak bemonolog. Kekuatan watak Aishah banyak bergantung pada ekspresi saya berkomunikasi. Saya harus memberi tumpuan bagaimana cara yang sesuai untuk menarik perhatian penonton. Itulah susahnyanya watak Aishah ini," katanya yang turut membawakan watak sebagai Cik Hakim.

Aishah menghadapi dilema dalam hidupnya apabila dituduh hilang kepercayaan terhadap agamanya selepas berkahwin dengan lelaki asing, Joshua. Bagi Aishah pula, Joshua adalah lelaki terbaik yang pernah ditemuinya. Aishah yang meninggalkan keluarganya kembali ke pangkuan keluarga dengan harapan dapat mencari Fatima Al-Zahra.

Di sinilah timbul watak-watak seperti Gadis Yatim, Cik Hakim, April dan Ros yang kebanyakannya memang terdapat dalam kehidupan sekarang.

Bagi Rosman pula yang membawa watak Ros, ternyata mampu menarik perhatian penonton dengan gelagatnya yang menggoda.

Meskipun Rosma hanya beraksi dengan sebuah kerusi, namun gerak geri badan dan pertuturannya yang bersahaja itu sudah pasti dapat memberi kesedaran kepada penonton

Focus on dialects and native tongues

Some of the most exciting Malaysian and Singaporean playwrights write in their native tongues and colloquial Malay. Catch Nam Ron, Faisal Tehrani, Alfian Sa'at and Aidli 'Alin' Mosbit in action at the latest Malay monodrama festival, Projek Suitcase 2003. **VERONICA SHUNMUGAM** takes a peek at what's coming.

LANGUAGE, they say, is a window to worlds unknown. If so, dialects and native tongues put you smack in the heart of even the most remote areas. For this reason, we ditch dictionaries for *Lonely Planet* guidebooks when we wish to get the real picture. And we pass up yet another West End number for some small-town plays by Nam Ron and his peers.

As past productions go, Nam Ron has the rare ability to portray suburban and rural Malaysia minus the rose-tinted sheen. Alfian Saat doesn't shy away from the "issues" which affect Singaporean Malays. And between them, Faisal and Aidli pick up awards and literary achievements with no respite. So, who is to say the five-day *Projek Suitcase 2003*, starting Wednesday, won't be bristling?

The Malay monodrama festival is organised by Teater Ekamatra of Singapore and Pustaka Cipta, a young publishing company based in Kuala Lumpur. Four plays will be presented as double-bills at the Stor Teater, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur - termed the city's "new black box" after floods destroyed The Actors Studio Plaza Putra's Box.

Projek Suitcase 2003 is the first in an annual series designed by Teater Ekamatra to continue discourse on what it terms "the Malay experience". This year's event aims to give voice to Bumiputras who speak lesser-known Malay dialects or their native tongues. With this in mind, the four Malay playwrights from



(From left): Rosdeen Suboh, who directs Faisal Tehrani's *Monsofiad dan Lain-Lain Cerita*, with actor Mohd Kamaludin Mohd Daud and playwright Nam Ron.

Mohd Mohter and supported by Mohd Sanif Olek's video art, takes the audience through her romantic past, the variety afforded by the Malay language.

"In Singapore, Bahasa Melayu is facing a crisis as Malays there use more English

Making sense of the chaos

BY VAN WYNNEN

Kuala Lumpur, the title alone is an imagination. Why spring? We'll living in the seasonless

what can spring mean to us? In more intrigued after a rehearsal of what is described as a trifling synergy of dance, multimedia and talking to Pappa Tahahumara group from

s about love, relationships, fate, sex, life and death. Koike as the chaos that surrounds beings have lost their own they have chaotic minds.

"The world is in a chaotic situation, especially in the last 20 years. This is my expression of making sense of the chaos and organising it. While spring is a time of rebirth, it also has its darker side."

He is in Kuala Lumpur, under the auspices of the Japan Foundation, working with Five Arts Centre and the Akademi Seni Kebangsaan on what Marion D'Cruz of Five Arts Centre describes as a dance theatre event, which will be performed at The Actors Studio Theatre in Bangsar Shopping Complex, from Wednesday till Sunday.

Spring is actually the culmination of a series of highly-successful workshops Koike has held in Kuala Lumpur. It brings together Koike's troupe with 10 of Malaysia's top

performers: Anne James, Elaine Pedley, Jerrica Lai, Kiea Kun Nam, Lee Swee Keong, Michael Voon, Shariful Azmi Suhaimi, Sharip Zainal and Wei Jun.

"I chose to do this piece in Kuala Lumpur because Malaysia is a multi-racial country. Though the language of dance, like music, is universal, we each interpret it according to our own culture and background.

"Culture and art are not accepted

the same way everywhere. So with artists from different backgrounds I find something new."

And do the Malaysian artists experience this collaboration?

"We don't get yelled at," Pedley throws in as soon as the question is out of my mouth.

"Yeah," laughs D'Cruz, "We do tend to get a little excited here."

For Lee, one of our most prolific dancers and choreographers, the experience has become something of a turning point.

The leader of the Kwangsi Dance Troupe and founding member of Nyo-Ba and Dancers says with a grin: "I've been known to do some pretty bizarre things, and what I'm doing now might just encourage me to new heights of bizarreness.

"But it's interesting. There is always something unexpected, like the way I eat and the way you eat.

"But seriously, I have been considering doing dance full time for a while now and this might be just the push I need to do it."

Says Shariful, a recent graduate from ASK: "At first, it was difficult to understand what Koike wanted. The challenge is to figure it out and it's very exciting."

Lee comments: "It's a good chance for us all to work together."

"It's actually quite rare that such a wide-

Spring in Kuala Lumpur will be performed from Wednesday till Sunday at The Actors Studio Theatre, Bangsar Shopping Complex, Jalan Maarof, Kuala Lumpur.

Times: September 17-20, 8.30pm; September 21, 3pm.

Tickets: RM35 for adults, and RM15 for Japan Foundation KL members and students.

For more information call:

Five Arts Centre (03) 7725-4858

or e-mail: fivearts@tm.net.my;

The Japan Foundation Kuala Lumpur

(03) 2161-2104

or e-mail: jpcc@jfkl.org.my or

tickets@theactrystudio.com.my.

ranging group – both in age and background, the oldest is in the late 40s, the youngest in the 20s – works together," says D'Cruz.

"Yes," says Lee, "We have such a range of performers, from dancers to actors, each of whom has their own style and body."

Watching the rehearsal, as the dance changes – a bit like a kaleidoscope – playing with my perceptions, I see little snippets of other things being rehearsed on the sidelines and I am caught. I can hardly wait till Wednesday...

maricaben@yahoo.com



Photo directs Lee Swee Keong

UiTM harus pikul tanggungjawab daulatkan negara — Seri Paduka

Oleh MARZITA ABDULLAH

SHAH ALAM 22 Sept. — Graduan Universiti Teknologi Mara (UiTM) harus memikul tanggungjawab untuk mendaulat dan mengukuhkan kekuatan bangsa dan negara ini, titah Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Baginda bertitah, kekuatan itu perlu disertakan dengan kekuatan ilmu dan kemahiran kerana bangsa yang menguasai ilmu dan kemahiran sahaja yang dapat menentukan kekuatan dan kedaulatan sesebuah negara.

"Beta meletakkan harapan untuk tinggi kepada para graduan untuk memikul tanggungjawab ini," titah baginda.

Baginda yakin UiTM telah melengkapkan diri graduan dengan ilmu yang membolehkan graduan berdaya saing dan mampu menyumbang bakti kepada bangsa dan negara.

"Beta amat menyanjunggi usaha UiTM melahirkan graduan berkemahiran tinggi, berfikiran terbuka dan dipertukarkan dengan nilai-nilai agama yang tinggi," titah baginda.

Baginda bertitah demikian semasa menyempurnakan istiadat konvokesyen ke-58 UiTM di sini hari ini.

Pada istiadat konvokesyen kali ini sebanyak 13,304 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing yang berlangsung selama 13 hari.

Sementara itu baginda bertitah, jumlah graduan yang dihasilkan oleh UiTM sukar ditandingi oleh mana-mana institusi malah bilangan alumennya juga telah mencecah lebih 200,000 orang.



PENERIMA anugerah pelajar terbaik (dari kiri) Muhammad Amyzaddin Raya, Ayu Atzan Makhatar, Norfazilah Arsat, Mohd. Sholihin Ali, Norzizi Zulkifli dan Fahmi Abdullah Rahim bergambar bersama selepas Majlis Istiadat Konvokesyen ke-58 UiTM di Shah Alam, semalam — Gambar AZMAN GHANI

Titah baginda, dengan jumlah pelajar lebih 100,000, UiTM mencatat jumlah kemasukan pelajar yang terbesar bagi institusi pengajian tinggi di rantau Asia.

"Bagaimanapun graduan UiTM harus memernuskan usaha pencarian ilmu untuk sepanjang hayat," titah baginda.

Dalam pada itu sebanyak enam pelajar dianugerahkan pelajar terbaik pada konvokesyen kali ini. Graduan Sarjana Muda Sains

Aktuari, Norfazilah Arsat 23, menerima Anugerah Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor manakala graduan Sarjana Muda Pentadhiran Perniagaan, Fahmi Abdul Rahim, 23 menerima Anugerah Pingat Emas Naib Canselor.

Pelakon drama dan teater Norzizi Zulkifli, 27 yang merupakan graduan Sarjana Muda Seni Persembahan (Seni Layar) pula menerima Pingat Emas Yayasan Budiman UiTM.

Graduan Sarjana Muda Perakaunan Ayu Atzan Makhatar, 22, pula menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Mohd. Sholihin Ali, 24, graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik menerima Anugerah Sains Teknologi Yayasan Sime Darby manakala graduan Sarjana Muda Komunikasi Massa, Muhammad Amyzaddin Raya, 25 menerima Anugerah Kepimpinan Cemerlang Guthrie Sdn. Bhd.

Sementara itu, Norfazilah yang memegang prinsip 'di mana ada kemahuan di situ ada jalan' memperoleh purata himpunan nilai gred (CGPA) 3.90 merupakan bekas pelajar Diploma Aktuari UiTM.

Dia yang berasal dari Pahang berkata, jadual yang seimbang membolehkan dia memberi perhatian serius dalam pelajar di samping aktif dalam aktiviti ko-kurikulum.

Amyzaddin pula yang merupakan bekas Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM sesi 2001/2002 berkata, anugerah berkenaan mengiktiraf peranan pelajar sebagai seorang pemimpin walaupun di peringkat universiti.

MDF 2003

ruang mantapkan dunia seni tari

Oleh Khairull Azleyana Ishak

PERSEMBAHAN pencak silat ke fusion kontemporari adalah antara genre tarian yang bakal dipentaskan sempena Mydance Festival 2003 (MDF2003) yang diadakan selama enam hari bermula Isnin lalu.

Di samping itu, festival yang menggunakan tema Kepelbagaian dalam Pergerakan (Diversity In Motion) itu juga mengadakan tujuh bengkel dan seminar, yang membincangkan aspek khusus mengenai seni tari.

Ketua Panel MDF2003, Profesor Dr Mohd Anis Mohamad, yang turut mengadakan bengkel berkata, pementasan akan diadakan di The Actors Studio, Bangsar, seminar di Universiti Malaya (UM) dan bengkel pula akan diadakan di Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

"Festival ini adalah refleksi perbezaan genre tarian memandangkan Malaysia adalah gabungan pelbagai budaya kita dan juga pengaruh luar (antarabangsa).

"Apa yang penting adalah keupayaan kita untuk mengadakan bengkel dan seminar ini. Ia membabitkan tenaga kerja yang besar dalam mengumpulkan pelbagai maklumat mengenai pelbagai budaya dari sumber dalam dan luar negara.

"Ini juga sebagai bukti kepekaan dan keinginan kita dalam mengetengahkan komuniti tarian ini. Festival ini bukan saja satu usaha untuk mengadakan pelbagai pementasan kebudayaan malah ia juga satu ruang untuk memberikan peluang penggiat tarian profesional mengetengahkan usaha mereka," katanya.

Pada seminar yang berlangsung esok di UM, peserta seminar akan didedahkan dengan kepelbagaian dalam gaya tarian, bentuk dan kandungan yang akan disampaikan Profesor Dr Anis, Ramli Ibrahim dan Krishen Jit.

Peserta bengkel yang akan berkampung di ASK pula akan dilengkapi dengan kuliah untuk memperkaya dan memperluas lagi pergerakan tarian oleh fasilitator terkenal seperti Celeste Theunissen dan Suhaimi Magi.

Bagi mereka yang ingin menonton persembahan yang sungguh menarik di The Actors Studio, anda pasti terhibur apabila menyaksikan lebih 20 tarian pelbagai bangsa di Malaysia

dalam pementasan selama tiga hari bermula pada jam 8.30 malam.

Untuk maklumat lanjut, anda boleh melayari <http://www.mydancealliance.org> atau menghubungi Siew Lyn di talian 7846 1128 dan e-mail: slyn_w@yahoo.com atau Revathi di talian 7969 8542 dan e-mail penari6@yahoo.com.



DUA peserta menunjukkan kehebatan mereka.



Pingat Emas 'hadiah' pengorbanan Norzizi

Aru 25 sept
B.H

Oleh Zul Husni Abdul Hamid

PELAKON, Norzizi Zulkifli yang menerima Anugerah Pingat Emas Yayasan Budiman pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke-58, Selasa lalu, me nganggap kejayaan itu melengkapkan dirinya sebagai anak seni.

Anak pasangan pelakon veteran, Zulkifli Zain dan Normala Omar ini, juga menganggap pemilihannya sebagai seorang daripada enam penerima anugerah Pingat Emas sebagai pengiktirafan terhadap anak seni secara keseluruhan.

"Kejayaan ini adalah sesuatu yang tidak pernah saya sangka akan berlaku dalam hidup. Tak pernah terfikir bakal menerima anugerah sebesar ini. Semuanya bagaikan satu keajaiban. Justeru, alhamdulillah, saya bersyukur dengan kejayaan ini," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Norzizi berkata, kejayaan itu juga didorong oleh prinsip dirinya yang sentiasa mengutamakan kesempurnaan dalam sesuatu pekerjaan yang dilakukan.

"Apa-apa bidang pun, saya selalu memikirkan yang terbaik. Senang cakap saya sebenarnya seorang yang mementingkan kesempurnaan. Ada ketika, saya sendiri penat melayan kehendak diri.

"Namun, inilah berkat daripada sikap yang sering yang saya amalkan itu. Inspirasi kejayaan itu turut datang dari diri sendiri. Jika ada kesungguhan, Insya-Allah, apa yang kita



NORMALA Omar dan Zulkifli meraikan kejayaan Norzizi pada majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) baru-baru ini.

impikan akan tercapai," katanya, terharu dengan pengiktirafan itu.

Sepanjang tiga tahun bergelar pelajar, Norzizi yang turut aktif di pentas teater ini mengakui, banyak pengorbanan yang terpaksa dilakukan. Di mana saja, bila ada masa terluang, dia menggunakan waktu itu untuk mengulang kaji pelajaran atau menyiapkan tugas yang diwajibkan pen-

syarah.

"Terlalu banyak rintangan yang terpaksa ditempuhi. Dalam kereta pun, ketika terperangkap dalam kesesakan, saya terpaksa gunakan waktu itu melakukan apa yang patut. Melihat kereta saya, tentu tidak percaya kerana penuh dengan memo mengenai kerja yang perlu diselesaikan.

"Saya mengamalkan jadual kerja

yang ketat. Alhamdulillah, disiplin yang diterapkan ketika berlakon banyak membantu saya dalam pembahagian masa. Kurang waktu tidur selain menyetepikan aktiviti sosial, kini semuanya berbayar," katanya.

Memudahkan pembahagian masa, Norzizi berkata, dia menyediakan sebuah jadual perancangan besar yang dilengkap dengan tugas kerja selama sebulan untuk mengingatkan dia tanggungjawab yang menanti.

"Dari situ, saya melakukan perancangan dengan penuh teliti. Saya juga sentiasa mengingatkan diri mengenai tugas yang menanti. Dalam hal ini, pengurusan masa yang betul memainkan peranan penting," katanya.

Imbas pelakon berusia 26 tahun ini, ada ketika dia terpaksa melupakan kehendak diri demi memastikan hidupnya lengkap dengan pelajaran.

"Pernah satu ketika, sebaik saja tamat penggambaran *Syukur 21* sekitar jam 6.30 pagi, saya bergegas pula menghadiri kelas pada jam 8.30 pagi. Penat bagaimanapun, saya cuba untuk tidak ponteng.

"Satu lagi yang sering dilakukan, saya akan merakamkan semula apa yang diajar pensyarah dalam pita kaset. Ketika memandu, saya akan memasang semula pita rakaman ini. Kalau tidak buat begini, entah bila saya dapat memperuntukkan masa bagi mengulang kaji pelajaran" katanya.

Pengarah teater *Mak Yong Raja Tangkai Hati* yang dipentaskan Istana Budaya, bulan lalu, kini dalam perancangan untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana. Dia juga bercadang mengadakan majlis kesyukuran sempena kejayaan itu pada majlis sambutan ulang tahun ke-26, bulan depan.

**PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN**

Akhbar: ...TUGAN.MALAYSIA.....

Tarikh: ...17-11-2003.....

**Persembahan Awas!
di The Mines**

UM 17 NOV ASU
DRAMA tari kontemporari Awas! akan dipersembahkan sekali lagi The Mines Interactive Square pada 30 November ini, pukul 8 malam.

Pementasan atas jemputan The Mines Shopping Fair dan Dua Space Theatre sempena Festival Seni Mines ke-2 itu akan menampilkan ciri seni tari tradisional seperti makyong, zapin, tarinai dan seni tari Barat menjadikannya bersifat kontemporari.

Awas! yang dipentaskan oleh ASK Dance Co menjadi lebih menarik dengan beberapa pembaharuan dan penambahan muzik dan tarian India yang menekankan kepada budaya popular Bollywood.

Pengarah Artistik dan Koreografer pementasan ini ialah Joseph Gonzales, sementara Saidah Rastam selaku Pengarah Muzik.

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Akhbar:.....
BERITA HARIAN

Tarikh:.....
15 NOV 2003

Drama tari Awas

B.H

15 NOV ASK
DRAMA tari kontemporari, Awas, sempena Festival Seni Mines ke-2 akan dipentaskan di The Mines Interactive Square, pada 30 November ini, jam 8 malam.

Awas arahan Joseph Gonzales dan koreografernya Saidah Rastam dipentaskan oleh ASK Dance Co menggabungkan tarian tradisional makyung, zapin, tarinai dan seni tari Barat.

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

UTUSAN MALAYSIA

Akhbar:.....

Tarikh: 13 NOV 2003.....

Persembahan *Awas!*
di The Mines

DRAMA tari kontemporari *Awas!* akan dipersembahkan sekali lagi The Mines Interactive Square pada 30 November ini, pukul 8 malam.

Pementasan atas jemputan The Mines Shopping Fair dan Dua Space Theatre sempena Festival Seni Mines ke-2 itu akan menampilkan ciri seni tari tradisional seperti makyong, zapin, tarinai dan seni tari Barat menjadikannya bersifat kontemporari.

Awas! yang dipentaskan oleh ASK Dance Co menjadi lebih menarik dengan beberapa pembaharuan dan penambahan muzik dan tarian India yang menekankan kepada budaya popular Bollywood.

Pengarah Artistik dan Koreografer pementasan ini ialah Joseph Gonzales, sementara Saidah Rastam selaku Pengarah Muzik.



SALAH satu gerak tari dalam drama tari kontemporari *Awas!*

Persembahan *Awas!* di The Mines

DRAMA tari kontemporari *Awas!* akan dipersembahkan sekali lagi The Mines Interactive Square pada 30 November ini, pukul 8 malam.

Pementasan atas jemputan The Mines Shopping Fair dan Dua Space Theatre sempena Festival Seni Mines ke-2 itu akan menampilkan ciri seni tari tradisional seperti makyong, zapin, tarinai dan seni tari Barat menjadikannya bersifat kontemporari.

Ia akan dipentaskan dengan konsep yang abstrak dan diiringi serta dikuatkan dengan muzik serta persembahan multi-

media.

Sejak mula dipentaskan pada tahun 1999, drama tari kontemporari *Awas!* telah menjelajah beberapa negara dan sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan.

Pada masa yang sama, pementasan ini telah melalui beberapa perubahan dan pembaharuan demi menyesuaikan dengan realiti kontemporari dalam kehidupan masyarakat hari ini.

Malah ia terus mendapat sambutan hangat di kalangan khlayak sepanjang siri pementasannya tahun ini.

Awas! yang dipentaskan oleh ASK Dance Co menjadi lebih menarik dengan beberapa pembaharuan dan penambahan muzik dan tarian India yang menekankan kepada budaya popular Bollywood.

Ia juga akan dipentaskan pada Rainbow Dance Festival dari 4 hingga 13 Disember ini di Bangkok dan Tokyo sempena program pertukaran Jepun-ASEAN.

Pengarah Artistik dan Koreografer pementasan ini ialah Joseph Gonzales, sementara Saidah Rastam selaku Pengarah Muzik.

Grants for artistic pursuits

by **Bissme S.**
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: People in the arts field always complain that there is not enough funds for them to expand their horizons and try out more adventurous projects. Well, they are in luck.

Arts Network Asia, which was set up in 1999, has been giving out grants for artistes in Asia to pursue their interest.

The amount given out varies from US\$1,000 (RM3,800) to US\$10,000 (RM38,000).

The network will consider projects in the areas of contemporary performing arts such as theatre, dance, music, video, film and multi-media and visual arts.

It was set up for:

- the development of inter-cultural and international collaboration and exchanges in the form of dialogues, workshops, seminars, and residencies and productions within Southeast Asia;
- the development of artistic networks that will create links among Southeast Asian countries by way of informa-

tion exchange and sharing;
• the development of an arena for challenging and provocative collaboration; and
• the development of administrative and management skills through exposure and internship schemes.

"Those who are interested in applying for the grant can write in (in English) to provide details on the content, philosophy and themes of their projects," Mark Teh of Five Art Centre said.

"We will select the best proposals".

The closing date for submission of proposals is Nov 20.

Those who are interested can send the outline of their proposals to:

Marion D'Cruz,
Manager,
Arts Network Asia,
c/o Five Arts Centre,
27 & 27A, Lorong Datuk
Sulaiman 7,
Taman Tun Dr Ismail.
Tel/Fax : 03 77254858
Email: Fivearts@tm.net.my

For more information on this grant, log on to:
www.artsnetworkasia.org

Akhbar: ALAM MUDA

Tarikh: 2-11-2003



Zizi (baju hitam) bersama keluarga ketika majlis doa selamat.

ASU

2-11-03

Norzizi wajar dicontohi artis remaja

SEPANJANG 2003, Norzizi Zulkipli, 27 yang juga anak kepada pasangan artis veteran, Zulkifli Zain dan Normala Omar menempa kejayaan demi kejayaan apabila dia memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan - Seni Layar dengan Kepujian Kelas Pertama dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor, sekali gus dinobatkan penerima Pingat Emas Yayasan

Seri Budiman sebagai pelajar terbaik, baru-baru ini.

Ekoran kejayaan itu, Zizi (Norzizi) menjemput Zubir ke apartmen barunya di Ukay Perdana, Hulu Klang, Selangor, baru-baru ini sempena kenduri kesyukuran, sekali gus diadakan majlis doa selamat sempena menyambut Ramadan.

Zizi yang dinobatkan sebagai pengarah termuda di Istana Budaya ketika mengarahkan teater Mak Yong, Raja Tangkai Hati, mengambil kesempatan pada majlis yang sama untuk mengadakan sambutan hari jadinya yang jatuh pada 12

Oktober lalu.

"Zizi buat sekali dengan birthday ayah yang ke-57 pada 8 Oktober lalu. So, malam ni kita potong dua kek," kata Zizi sebelum meniup lilin.

Justeru, Zubir berharap artis remaja yang masih belajar dan dalam masa sama aktif dengan kegiatan seni masing-masing supaya mencontohi Zizi yang berjaya dalam kedua-dua bidang, sekali gus. Artis seperti inilah yang kita mahukan, bukan saja berbakat dalam seni, malah berilmu.

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Akhbar: **BERITA MINGGU**

Tarikh: **16 OKT 2003**

**Persembahan *Awas!*
di The Mines**

DRAMA tari kontemporari *Awas!* akan dipersembahkan sekali lagi The Mines Interactive Square pada 30 November ini, pukul 8 malam.

Pementasan atas jemputan The Mines Shopping Fair dan Dua Space Theatre sempena Festival Seni Mines ke-2 itu akan menampilkan ciri seni tari tradisional seperti makyung, zapin, tarinai dan seni tari Barat menjadikannya bersifat kontemporari.

Awas! yang dipentaskan oleh ASK Dance Co. menjadi lebih menarik dengan beberapa pembaharuan dan penambahan muzik dan tarian India yang menekankan kepada budaya popular Bollywood.

Pengarah artistik dan koreografer pementasan ini ialah Joseph Gonzales, sementara Saidah Rastam selaku pengarah muzik.

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Akhbar:.....**THE STAR**.....

Tarikh:.....**6. OKTOBER 2003**.....

USM don
denies being
hassled ^{6.2.03}
by US cops

PETALING JAYA: Universiti Sains Malaysia's Prof Mohamed Nasaruddin Ghouse, who is in the United States as a visiting scholar, denied television reports here yesterday that he had been harassed for being of Arabic descent and jailed.

In an e-mail sent last night to the Malaysian-American Commission on Educational Exchange (Macee, which handles the Fulbright Scholarship programme here), Prof Nasaruddin said, "I am aware that TV3 Malaysia has reported this incident and mentioned that I was jailed. That is not true. I would like to appeal to all concerned not to blow this episode out of proportion and only report the truth.

Prof Nasuruddin is in the United States as a visiting Fulbright Visiting Scholar since January and is based at West Virginia University at Parkersburg.

The US Embassy in Kuala Lumpur described the reports by TV3 and RTM as inaccurate and said Prof Nasaruddin was detained in Parkersburg, West Virginia, for a suspected driving offence on Jan 18.

"After being questioned by police, he was released," it said.

Norzizi terima Pingat Emas

SHAH ALAM: Pelakon, Norzizi Zulkifli, 26, yang menerima Anugerah Pingat Emas Yayasan Budiman pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke-58 semalam, menganggap penganugerahan itu sebagai pengiktirafan kepada bidang seni keseluruhannya.

Beliau yang menerima Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Seni Layar) mencatat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.64 yang melayakkannya mendapat ijazah kelas pertama.

"Saya menjadikan tokoh masyarakat dan kumpulan pemikir sebagai pendorong untuk menamatkan pengajian selama tiga tahun ini.

"Selain anugerah ini, saya amat berpuas hati kerana bulan lalu Istana Budaya membenarkan saya mementaskan teater *Mak Yong Raja Tangkai Hati* arahan saya sendiri," katanya selepas menerima anugerah itu daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail, selaku Canselor UiTM.

Selain Norzizi, graduan Sarjana Muda Sains Aktuari kelas pertama, Norfazilah Arsat, 23, pula menerima Anugerah Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor.

Norfazilah yang dilahirkan di Bentong, Pahang, berkata beliau berpegang kepada falsafah 'di mana ada jalan, di situ ada kemahuan' untuk mencatat PNGK 3.90 dan muncul sebagai graduan terbaik Fakulti Teknologi Maklumat.

Penerima Anugerah Pingat Emas Naib Canselor, Fahmi Abdul Rahim, 23, menjadikan ayah dan abangnya sebagai pendorong untuk berusaha gigih mendapat kelas pertama Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan).

Ayahnya, Abdul Rahim Rafiee ialah pensyarah Universiti Putra Malaysia, manakala abangnya, Farhan, 27, pelajar terbaik Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Universiti Swansea, United Kingdom pada 2000.

"Selepas menamatkan pengajian Diploma Pengajian Perniagaan pada 2000 dan muncul sebagai pelajar terbaik, terdapat isu yang



ENAM penerima anugerah UiTM terbaik (dari kiri), Muhammad Amyzaddin Raya, Ayu Afzan Makhatar, Norfazilah Arsat, Mohd Sholihin ali, Norzizi Zulkifli dan Fahmi Abdul Rahim gembira selepas menerima anugerah masing-masing.

mengatakan ramai pelajar Bumiputera gagal mendapat ijazah kelas pertama.

"Saya jadikan isu berkenaan sebagai cabaran untuk berusaha gigih dan cuba mengatasi kecemerlangan abang saya," katanya yang kini bertugas sebagai pensyarah sementara di UiTM cawangan Segamat.

Graduan Sarjana Muda Perakaunan, Ayu Afzan Makhatar, 22, meraih Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Anak keempat daripada lima beradik itu mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Naim Lilbanat sebelum meneruskan persekolahan di Maktab Rendah Sains Mara, Taiping, Perak.

Anak kelahiran Tanjung Karang, Selangor, Mohd Sholihin Ali, 24, menerima Anugerah Sains dan Teknologi Yayasan Sime Darby selepas mendapat Sarjana Muda Kejurute-

raan Elektrik kelas pertama.

Anak ketujuh daripada lapan beradik dan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun, Tanjung Karang dan Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim Jitra, Kedah itu pernah mendapat Sijil Dekan sebanyak sembilan kali sepanjang lima tahu belajar di UiTM.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Sesi Akademik 2000-2001, Muhammad Amyzaddin Raya, 25, pula mendapat Anugerah Kepemimpinan Cemerlang, tajaan Yayasan Guthrie Sdn Bhd.

Beliau yang kini bertugas sebagai Pegawai Penyelidik dan Perancangan Strategik, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, mencatat PNGK 3.45 dan menerima Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Perhubungan Awam) kelas kedua tinggi.



TOP STUDENTS: (from left) Muhammad Amyzaddin, Ayu Afzan Makhatar, Norfazilah Asrat, Mohd Sholihin Ali, Norzizi and Fahmi admiring each other's awards in Shah Alam yesterday.

Determination pays off for Fahmi

BY SIMRIT KAUR

SHAH ALAM: A desire to prove that bumiputra students too could do well drove Fahmi Abdul Rahim to work hard during his studies at Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"At that time, in 2001, it was reported that very few bumiputra students obtained a first class degree. I wanted to prove the sceptics wrong," he said.

His determination paid off when Fahmi obtained a Bachelor of Administration degree with first class honours. He was one of six top students who

received awards during UiTM's 58th convocation yesterday. He won the Vice-Chancellor's Gold Medal Award for his achievement.

The 23-year-old, who is now a lecturer at UiTM's campus in Segamat, is planning to further his studies abroad.

Another award winner was actress and director Norzizi Zulkifli. She obtained a Bachelor of Performing Arts (Film) degree with first class honours and received the Yayasan Budiman UiTM Gold Medal from the university's Chancellor, the Yang di-Pertuan Agong Tuanku

Syed Sirajuddin.

Former UiTM Student Representative Council president Muhammad Amyzaddin Raya was given an Award for Excellent Leadership in recognition of his academic and extra-curricular achievements.

Also honoured during the convocation was UiTM Pro-Chancellor Tan Sri Abdul Rahman Arshad, who received an honorary doctorate in educational administration for services to education and UiTM. He was chairman of UiTM's first board of directors from 1996-2002.

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN


UTUSAN MALAYSIA


ASK / Teacher

**Bangsawan
Raifudin
dipentaskan**

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) sedang mentaskan bangsawan *Saudagar Raifudin* karya dan arahan Rahman B di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pukul 8.30 malam sehingga esok.

2 Mei 2003
Sakhi





Dr Mohamad Ghouse

ASU 6-2-03 H

Dr Mohamed Ghouse minta usah perbesar isu penahanan

KUALA LUMPUR: Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengikuti Program Fulbright di Amerika Syarikat, Prof Dr Mohamad Ghouse Nasaruddin, semalam meminta semua pihak supaya tidak memperbesarkan insiden penahannya ketika memandu di negara itu.

Mohamed Ghouse berkata, kejadian itu sudah diselesaikan dan beliau mendapat sokongan penuh pihak universiti di sana.

"Saya mendapat tahu TV3 Malaysia melaporkan kejadian itu dan menyebut bahawa saya dipenjarakan. Itu tidak benar.

"Bagi saya perkara itu sudah diselesaikan dan saya mendapat sokongan sepenuhnya daripada universiti dan fakultinya... Apa yang lebih penting, saya menyukai tugas saya di sini, mengajar, membuat persembahan dan mempromosikan Malaysia dan budaya Melayu.

"Kejadian itu sudah berlaku. Biarlah kita melupakannya dan biarlah saya dan keluarga meneruskan kehidupan dan tanggungjawab seperti biasa," katanya dalam e-mel kepada Suruhanjaya Pertukaran Pendidikan Malaysia-Amerika (Macee) kelmarin.

Kandungan e-mel itu dimuatkan dalam kenyataan akhbar Kedutaan Amerika di sini semalam sebagai reaksi kepada laporan TV3 kelmarin.

Kenyataan yang bertajuk "Penjelasan Terhadap Laporan Tidak Tepat Mengenai Pengalaman Prof Mohamed Ghouse Di AS" menyatakan bahawa Mohamed Ghouse ditahan polis tempatan di Pakersburgh, West Virginia, kerana disyaki melakukan kesalahan trafik pada 18 Januari 2003.



AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Akademi Seni Kebangsaan

dan

Pengurusan Akademi Seni Kebangsaan

Mengucapkan **TAHNIAH** di atas kejayaan 20 orang penerima Diploma Akademi Seni Kebangsaan dalam pengkhususan Muzik, Penulisan, Tari, Teater yang telah disempurnakan

oleh

Y.Bhg. Dato' Mohd Azmi bin Razak

Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
Merangkap Pengerusi Majlis Akademi Seni Kebangsaan

bersempena dengan

UPACARA KONVOKESYEN KELIMA AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Pada 23 Ogos 2003 di Auditorium Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Semoga ilmu yang dipelajari akan dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan agama dan negara serta kecemerlangan kesenian budaya bangsa.



99200044	Adriane Nicholas Palikat	98991020	Mohd Harry Abd Jalil
99200034	Mustakim Yusuf	98991005	Nor Hidayah Asri
99200030	Gilbert Jim Lajim	PENERIMA DIPLOMA SENITARI	
98991008	Isnoliza Mohd Zin	20010016	Intan Carina Abdul Karim
98991009	Shuharezuhan Ramli	20010028	Zamzurrah Zahari
98991003	Norliza Abdul Ghani	20010027	Shaiful Azmi Subhaimi
99200003	Anas Salleh Rahbini	PENERIMA DIPLOMA TEATER	
PENERIMA DIPLOMA PENULISAN KREATIF		99200009	Muhammad Hafiz Hussin
99200027	Salmah Osman	99200002	Engku Nor Zaliyah Engku Abdul Rased
20010032	Baidah Abu Shaaid	99200010	Shahril Nizam Shahron
99200026	Nooraitan Mamat	98991010	Rosli Mohd Taib
20010014	Zurrah Mohammad		

ASK anjur Festival Koreografi

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan mengadakan Festival Koreografi Malaysia 1 pada 7 hingga 12 Oktober ini dalam usaha memastikan perkembangan seni tari tradisi di negara ini.

Penganjuran tersebut juga bertujuan merapatkan hubungan antara koreografer dari seluruh negara dalam satu pertemuan yang meliputi persembahan, diskusi dan bengkel.

Pengarah ASK, Norsiah Sabri berkata, akademi itu berharap dapat mengibadikan seni tradisi seiring dengan karya kontemporari.

Menurutnya, festival itu akan mengumpul semua penggiat tari dan koreografer dalam memperkasakan

identiti kebangsaan melalui persembahannya.

"Memastikan karya tradisi berkembang seiring dan sama penting dengan karya kontemporari juga adalah amat penting dalam mempertaka identiti kebangsaan dalam persembahannya.

"Festival ini adalah lanjutan daripada fasa pertama dan kedua bengkel sasar koreografi yang memberikan penekanan kepada terhadap kesenian tradisi seperti wayang kulit dan makyung," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Norsiah menjelaskan, festival tersebut memberikan penumpuan

kepada *work-in-progress* dan tidak berbentuk pertandingan.

Ia merupakan ruang dan peluang interaksi bagi koreografer untuk memahami proses dalam menghasilkan sebuah karya tari.

Persembahan

Jelasnya, diskusi akan memberi peluang kepada peserta membincangkan setiap persembahan yang diadakan, sementara bengkel merupakan amali bertujuan menghasilkan olahan baru.

"Festival ini diharap dapat menggalakkan penggiat seni tari tempatan berkarya secara kreatif dan

aktif di samping mempertingkatkan kreativiti tari yang berteraskan tradisi di Malaysia dalam satu ruang yang lebih terbuka.

"Ia juga dapat memberi ruang dan peluang kepada penggiat tari dan koreografer untuk berkarya dengan idea kreatif tanpa dibatasi sebarang halangan untuk berkarya," tambah beliau.

Festival yang melibatkan 20 kumpulan kebudayaan dari seluruh negara dengan tema *The Making of...* itu diadakan di Auditorium Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MTC) dan Pejabat Kebudayaan dan Kesemian Wilayah Persekutuan.

Tingginya Menyapu Awan angkat persoalan kemiskinan

Oleh Hassan Omar

TEATER *Tingginya Menyapu Awan* persembahan pelajar tahun dua Jurusan Teater, Akademi Seni Kebangsaan (ASK), mengangkat persoalan segelintir manusia kota yang miskin harta tetapi mewah dengan rasa tanggungjawab dan simpati sesama insan.

Naskhah Malina Manja yang dipentaskan di Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), Jalan Ampang, pada 19 dan 20 Ogos lalu, secara langsung membawa khalayak merenung nasib masyarakat kota yang terpaksa meneruskan hidup dalam keadaan penuh kedaifan. Nampaknya kemelatan hidup manusia di kota metropolitan yang menjadi bahan pembicaraan ramai penulis pada 1960-an dan 1970-an termasuk naskhah Malina Manja ini tetap relevan kerana masalah ini masih berterusan sehingga kini.

Pelajar ASK dalam teater ini bukan saja berjaya menonjolkan kekecewaan penghuni kota yang dihimpit kemiskinan tetapi juga konsep setia kawan yang kini semakin pudar dan sukar dicari dalam masyarakat manusia moden.

Justeru, tidak menghairankan apabila naskhah *Tingginya Menyapu Awan* berjaya menambat hati juri Hadiah Karva Sastera 1975 di



tang pada suatu hari nanti. Semua pendukung watak dalam teater itu disifatkannya mempamerkan komitmen yang tinggi dan beliau percaya mereka mampu muncul sebagai pelakon berkualiti suatu ketika nanti sekiranya mereka mengekalkan disiplin untuk terus bersaing dalam bidang ini.

Tingginya Menyapu Awan menampilkan kisah seorang tua yang tidak diketahui asalnya sedang nazak dan berkeinginan untuk minum susu dan makan anggur sebelum menghembuskan nafasnya yang akhir.

Rasa kemanusiaan yang tinggi mendorong rakan-rakannya yang dianggap sebagai keluarga berusaha menunaikan keinginan seorang sahabat dan kebetulan seorang pengemis berjaya memenuhi hajat lelaki tua itu.

Bagaimanapun, lelaki tua itu akhirnya terkilan dan amat sedih apabila makanan dan minuman yang diinginkannya itu dihabiskan oleh seorang gadis terencat akal tetapi situasi itu berubah apabila seorang wanita yang tidak dikenali muncul.

Akhirnya terbongkar rahsia bahawa gadis berkenaan mempunyai pertalian dengan lelaki tua itu dan khalayak diseret dengan persoalan kemarahan, dendam, kehidupan, kematian, syurga, neraka, kemanusiaan, kewujudan, kesilapan dan takdir.

TINGGINYA Menyapu Awan menyingkap tema kemiskinan setingan di kota metropolitan.

samping Ahmad Yatim, yang bertindak sebagai pengarah teater untuk penilaian kerja kursus pelajar tahun dua jurusan itu.

Ahmad yang memendekkan tempoh persembahan daripada satu jam setengah kepada satu jam lima minit berpuas hati dengan kemampuan pelajarinya yang diyakini berpeluang muncul sebagai pelakon bertaraf bin-

'Saya' untuk peminat seni tunjuk bakat

Asle
16-12
3-11



Farah Mahami

Oleh Zul Husni Abdul Hamid

LUAHAN kebebasan berteraskan medium seni yang digerakkan empat anak muda yang menggelarkan diri mereka, Fakulti menerusi persembahan berjudul *Saya* tampil menyediakan ruang kesenian terbuka kepada peminat seni untuk mempamerkan bakat.

Direalisasikan dengan kerjasama MK Land Group of Companies yang membangunkan projek perumahan dan bangunan komersial seperti Damansara Perdana, Bukit Merah dan Langkawi Lagoon, usaha sulung itu akan menjadi kenyataan di Tropics Shopping Centre, Damansara Perdana pada 19 Disember, bermula jam 8.15 malam.

"Saya menyediakan ruang berkomunikasi dengan mempromosikan luahan kebebasan menerusi karya seni seperti muzik, puisi, grafik, lukisan dan fotografi," kata Eksekutif Penyelaras Fakulti, Farah Mahami pada satu pertemuan, baru ini.

Menjelaskan konsepnya, Farah berkata, *Saya* adalah malam dan pencinta seni bebas untuk mendengar dan memperdengarkan, menonton dan mempertontonkan karya mereka selain dapat bertemu dan menjalin hubungan tanpa sekat.

"*Saya* adalah terjemahan persembahan yang jujur, mendahului zaman serta mempunyai gaya kesenian tersendiri dan inspirasi itu datang dari dalam diri setiap peminat seni," katanya.

Digerakkan bersama oleh tiga lagi pencinta seni iaitu Azman Abdullah, Moses L. Chan dan Selina A. Aziz, persembahan pertama *Saya* akan menampilkan persembahan daripada artis seperti Teh Tarik Crew, Lim Jit Woei dan penerbit filem pendek iaitu Patric Lim dan Anna-thurai.

Saya juga akan mempamerkan hasil kerja fotografi daripada Kelvin Oon, Ricco/Imzan, Kamal Solhaimi dan Mary Wilson.

Kata Farah, saya bertindak sebagai landasan untuk mempamerkan bakat seni

secara percuma.

"Bayaran masuk, tempat, persembahan, semuanya adalah percuma kecuali makanan dan minuman. Ini kerana sebahagian daripada wang yang dikutip itu akan disalurkan kepada badan kebajikan," katanya.

Selain itu, katanya, *Saya* dilihat sebagai ruang yang selamat dan mengalukan kedatangan sesiapa saja terutama mereka yang berjinak-jinak dalam bidang kesenian dan untuk berkongsi luahan hati dan perasaan mereka," katanya.

Farah berkata, *Saya* juga menjanjikan persembahan berkualiti tanpa sebarang ikatan. Kebebasan itu, katanya, adalah media yang memberikan medium kepada audiens dalam perspektif kehidupan dan rasa dihargai apabila apa yang dihasilkan turut dihargai orang lain.

"Kami berharap *Saya* dilihat sebagai perkara yang ada dalam diri individu, serta menghargai kebolehan dalam diri sendiri," katanya, mengenai persembahan yang akan berlangsung selama dua jam itu.

Akademi elak seni warisan pupus

Ara 6.12 B.H

KOTA BHARU: Sebuah Akademi Seni Budaya Kelantan akan ditubuhkan sebagai langkah untuk memberi pendidikan kesenian dan budaya rakyat negeri ini kepada golongan muda yang berminat mempelajarinya.

Akademi itu juga sebagai landasan untuk menjadikan golongan muda anak Kelantan sebagai generasi penyambung warisan seni dan budaya negeri ini pada masa depan.

Pengerusi Majlis Senibudaya Kelantan (MSK) kawasan Machang, Datuk Abdul Rahman Hamzah, berkata penubuhan akademi itu bertujuan supaya kegiatan seni dan budaya rakyat Kelantan tidak pupus kesan pengaruh kesenian Barat.

Beliau berkata, pihaknya akan memberi elaun kepada peserta yang terpilih mengikuti latihan kesenian dan budaya di akademi itu.

"Pengambilan peserta untuk mengikuti latihan dan pembelajaran di akademi itu dijangka bermula tahun depan dan mereka akan diberi elaun latihan. Jumlah elaun itu belum ditetapkan, tetapi mereka yang terpilih akan mendapat kemudahan itu.

"Bagaimanapun, operasi awal bagi tujuan itu akan bermula di bangunan MSK kawasan Machang sementara bangunan akademi khas dirikan," katanya kepada *Berita Harian* ketika dihubungi, di sini, semalam.

Mengenai tenaga pengajar akademi, beliau berkata, ketika ini masih ramai tokoh seni budaya berpengalaman di negeri ini.

Katanya, MSK sudah mengenal pasti tenaga pengajar terbabit dan mereka akan melatih anak muda mengikut kemahiran bidang seni dan budaya masing-masing.

Katanya, sudah sampai masa sebuah akademi khas bagi tujuan itu diwujudkan supaya segala kegiatan berkaitan seni dan budaya negeri ini terus dihidupkan dan mendapat tempat di kalangan generasi muda.

"Inilah antara sumbangan MSK sebagai badan bukan kerajaan untuk mempopuler dan menghidupkan semula apa saja bentuk seni budaya rakyat negeri ini," katanya.

JELAJAH SENI TAMPAK

Membawa
nama
Malaysia
ke luar
negara

Oleh **Abie Abdullah**
abie@hmetro.com.my

ASK
H.M
5.12

BIARPUN seni tari di negara ini tidak sepopular bidang muzik dan lakonan namun kehalusan seninya mampu memikat penggemar 'rentak pergerakan'. Lebih membanggakan apabila seni ini membawa nama Malaysia ke luar negara.

Inilah yang dilakukan ASK Dance Co. yang lahir daripada Akademi Seni Kebangsaan pada 1994. Beberapa negara sudah dijelajah memperkenalkan seni tampak ini sebagai wakil satu lagi cabang kesenian dan kehalusan negara kita.

Terbaru ASK Dance Co. ke Bangkok, Thailand dan Tokyo, Jepun untuk membuat persembahan dalam Rainbow Dance Festival anjuran Japan-Asia Fine Arts Association bersempena Japan-Asean exchange Year 2003.

Dalam satu kenyataan yang dihantarkan ke Harian Metro semalam, perkembangan ini menjadi kebanggaan Akademi Seni Kebangsaan dan Jabatan Tari pusat pengajian itu khususnya kerana prestasi seni tari diperakui di peringkat global.

Penubuhan ASK Dance Co. awalnya untuk membantu mempromosikan persembahan tari tradisional dan kontemporari di Malaysia. Ia diasaskan antaranya oleh Suhaimi Magi, Aida Redza,

Lena Ang dan Joseph Gonzales yang juga golongan penyarah pertama di akademi itu.

Menariknya kumpulan ini menggunakan elemen pergerakan serta roh tradisi Malaysia yang kaya dengan kepelbagaiannya. Setakat ini ASK Dance Co. menjadi antara kumpulan tari disegani di peringkat nasional.

Tahun ini mereka mempersembahkan persembahan kontemporari AWASI dan menariknya juga, ia dipersembahkan berulang kali atas permintaan ramai termasuk dari penaja-penaja baru.

Sebelum ini pun, ASK Dance Co. pernah mempersembahkan koreografi Aida Redza, Menggapi Kekal di Jakarta pada 1994 selain persembahan lain di Seoul, Hong Kong, Sepanyol, New Zealand dan India.

Sokongan mereka terima juga dari Australia International Foundation for Arts and Culture (Australia), Aia 2000 Foundation (New Zealand), Asian Cultural Council (New York), National Arts Institute (Taiwan) dan Cross Roads Dance Ensemble (Malaysia), antara yang menghulur bantuan kewangan.

SENI TARI... mampu memikat penggemar rentak pergerakan.



PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Akhbar:.....
UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:..... 1.10.2003

Persembahan Awas! di
The Mines

4-11 48K 111203
DRAMA tari kontemporari Awas! akan dipersembahkan sekali lagi di The Mines Interactive Square pada 30 November ini, pukul 8 malam.

Pementasan atas jemputan The Mines Shopping Fair dan Dua Space Theatre sempena Festival Seni Mines ke-2 itu akan menampilkan ciri seni tari tradisional seperti mak yong, zapin, tari inai dan seni tari Barat menjadikannya bersifat kontemporari.

Awas! yang dipentaskan oleh ASK Dance Co. menjadi lebih menarik dengan beberapa pembaharuan dan penambahan muzik dan tarian India yang menekankan kepada budaya popular Bollywood.

Pengarah Artistik dan Koreografer pementasan ini ialah Joseph Gonzales, sementara Saidah Rastam selaku Pengarah Muzik.

HARIAN METRO 29.11.03 A8u

AWASI! CURRI HATI PENONTON

**BERSENI.....Mohd
Kamaludin Daud
mengayakan aksi
tersendiri dalam Awasi.**

**Awasi!
berjaya
menampilkan
gaya
persembahan
dan mesej
berjiwa
Malaysia**

Oleh **Ellyna Ali**
elly@hmetro.com.my

DISEBALIK liuk lentok Ladies Who Salsa dan Rivers That Dance yang memukau, teater tari kontemporari tempatan, Awasi! masih mampu mencuri perhatian ramai ketika persembahan jelajahnya diadakan di Pulau Pinang, Perak, Pahang, Johor dan Kuala Lumpur sepanjang pertengahan tahun ini.

Berbeza dengan kebanyakan drama tari yang lazimnya menerapkan cerita hikayat dan mitos, Awasi! cuba lari dari kebiasaan ini dengan menampilkan persembahan berasaskan abstrak yang disulami dengan isu-isu kontemporari hasil daripada imej dan kesan pengamatan terhadap kehidupan.

Nyata, percubaan yang dilakukan terhadap Awasi! ini berjaya menampilkan gaya persembahan dan mesej berjiwa Malaysia secara total, segar dan menghiburkan.

Berdasarkan kepada kelainan luar biasa yang ditonjolkan dalam teater tari kontemporari hasil ciptaan Josep Gonzales ini, Awasi! telah terpilih menjadi wakil negara untuk menyertai Festival Tari Rainbow sempena program pertukaran Ja-

pan-Asean yang bakal diadakan di Bangkok dan Tokyo pada 4 hingga 13 Disember ini.

Malah, Awasi! turut diundang oleh The Mines Shopping Fair untuk mengadakan persembahan di The Mines Interactive Square, Kuala Lumpur sempena Festival Seni Mines - My, Art My Passion yang ke-2 pada 30 September ini.

Bagi anda yang tidak mahu ketinggalan menyaksikan Awasi!, saksikan kemampuan kumpulan penari tempatan Awasi! melakukan eksplorasi gerak tari tradisional seperti Mak Yung, Terinai, Zapin yang digabungkan dengan teknik tari dari Bollywood serta barat.

Persembahan dari Awasi! yang diadakan secara percuma di The Mines Interactive Square ini dijayakan oleh Mohd Kamaludin Mohd Daud, Azizi Sulaiman, Shafirul Azmi Suhaimi, Hoi Cheng Sim, A. Aris A. Kadir, Firdaus Mustapha Kamal, Liew Kar Ann dan Rozilah Abdul Rahman.

Sebarang pertanyaan berhubung persembahan Awasi!, hubungi Akademi Seni Kebangsaan (ASK) menerusi talian: 03-21649180.



PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

BERITA HARIAN

Akhbar:.....

Tarikh: 29.11.2003.....

Festival Seni 2003
hingga 14 Desember

THE 2nd Mines Arts Festival 2003 bertema 'Towards a Cultural Living Experience akan berlangsung di Mines International Square Malaysia, Seri Kembangan, Selangor, dari 28 November hingga 14 Disember ini.

Tirai festival seni itu akan dibuka dengan persembahan tarian *Awakening of Earth* oleh Dua Space Theatre dan Tarian Sabah dipersembahkan oleh Kumpulan Tarian Orang Asli Sabah pada hari pertama festival.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, akan merasmikan festival ini pada malam pembukaannya yang akan turut membuka ruang kepada penonton untuk menyaksikan tarian tema festival ini, *Awas*, oleh Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

UTUSAN MALAYSIA
Akhbar:.....

Tarikh:..... 24. 11 - 2003

Persembahan
Awat! di The
Mines

u.m 24 11 1900
DRAMA tari kontemporari *Awat!* akan dipersembahkan sekali lagi The Mines Interactive Square pada 30 November ini, pukul 8 malam.

Pementasan atas jemputan The Mines Shopping Fair dan Dua Space Theatre sempena Festival Seni Mines ke-2 itu akan menampilkan ciri seni tari tradisional seperti makyong, zapin, tarinai dan seni tari Barat menjadikannya bersifat kontemporari.

Awat! yang dipentaskan oleh ASK Dance Co menjadi lebih menarik dengan beberapa pembaharuan dan penambahan muzik dan tarian India yang menekankan kepada budaya popular Bollywood.

Pengarah Artistik dan Koreografer pementasan ini ialah Joseph Gonzales, sementara Saidah Rastam selaku Pengarah Muzik.